

# Bayi mangsa jenayah seksual mati

KOSMO 12/11/2016 MS 03

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** – “Damailah kau di sana sayang dan tunggu ibu di syurga.” Demikian ungkapan dimuat naik di Facebook oleh ibu kepada bayi perempuan yang meninggal dunia disyaki akibat menjadi mangsa penderaan fizikal dan juga disyaki dirogol oleh suami kepada pengasuhnya.

Nur Muazara Ulfa Mohammad Zainal yang berusia 11 bulan atau panggilan manjanya, Zara meninggal dunia selepas dua hari bertarung nyawa di Hospital Serdang apabila dimasukkan ke hospital itu dalam keadaan tenat pada pukul 3.05 petang, Rabu lalu.

Kematian bayi perempuan itu menarik perhatian seluruh masyarakat di negara ini selepas ibunya berkongsi nasib yang menimpa anaknya itu di laman sosial yang menjadi mangsa manusia ‘buas’ sebelum anaknya itu menemui aja, pada pukul 10.30 pagi Jumaat lalu.

Dalam kongsiannya terbaharu di Facebook kelmarin, ibu kepada bayi itu iaitu Noraihan Ab. Aziz, 22, mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang mendoakan supaya anaknya kembali



**GAMBAR** Noraihan dan anaknya, Zara yang menjadi mangsa dera secara seksual dan fizikal oleh suami kepada pengasuhnya di Seksyen 16, Bandar Baru Bangi sebelum meninggal dunia pada Jumaat lalu.



**ZARA** yang meninggal dunia dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Gual Perioik, Rantau Panjang, Kelantan kelmarin.

sembuh tetapi malangnya puteri keduanya itu tidak mampu bertahan.

Jenazah Zara dibawa pulang ke kampung halaman keluarganya di Rantau Panjang, Kelantan untuk urusan pengebumian kelmarin.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd. Yusoff (**gambar kecil**) berkata, polis menerima laporan berhubung kejadian bayi yang disyaki akibat didera secara seksual daripada seorang pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan Hospital Serdang pada Rabu lalu.

Menurut beliau, selepas dua hari menerima rawatan, bayi berkenaan disahkan meninggal dunia pada Jumaat lalu.

“Pemeriksaan oleh pihak hospital mendapati terdapat kesan koyakan baharu dan lama pada selaput dara dan dubur bayi berkenaan.

“Pihak hospital juga mendapati tempurung kepala bayi itu pecah dipercayai dipukul menggunakan objek tumpul,” kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, susulan itu pihak polis menahan pengasuh dan suaminya masing-masing merupakan warga tempatan masing-masing berusia 28 dan 36 tahun.

Bagaimanapun, pengasuh wanita itu dibebaskan selepas pihak polis merakam keterangannya.

Ahmad Dzaffir memberitahu, ujian air kencing ke atas suami kepada pengasuh itu mendapati lelaki itu positif syabu.

“Lelaki yang bekerja di salon rambut direman selama lima hari sehingga Selasa ini bagi membantu siasatan berhubung kecederaan dialami bayi itu,” katanya.

Katanya, kes melibatkan bayi itu disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan kerana membunuh dan jika sabit ke-

**INFO** Kes-kes bayi didera pengasuh

● **4 Julai 2018** – Seorang pengasuh wanita ditahan selepas polis menemui mayat seorang bayi lelaki berusia lima bulan yang disorokkan di dalam ruangan sejuk beku peti ais di rumahnya di Batu Caves, Gombak, Selangor

● **10 Ogos 2018** – Seorang pengasuh wanita ditahan kerana disyaki mendera seorang bayi lelaki berusia tiga bulan sehingga mangsa patah tangan kanan sewaktu di bawah jagaannya di sebuah rumah di Seri Iskandar, Perak

● **28 Oktober 2018** – Seorang bayi lelaki berusia setahun dua bulan kritikal selepas tidak diberi makan hampir tiga minggu serta dipukul oleh pengasuhnya yang tidak berpuas hati kerana lambat menerima bayaran menjaga mangsa dalam kejadian di sebuah rumah di Batu Kawa, Kuching, Sarawak

● **4 November 2016** – Polis menahan seorang pengasuh wanita selepas seorang bayi perempuan berusia empat bulan di bawah jagaannya meninggal dunia disyaki didera di sebuah rumah di Bukit Selambau, Kedah

salahan boleh dihukum gantung sampai mati.

Difahamkan, mangsa mula di jaga pengasuh itu pada Septem ber lalu.

